

16/10/2003

Penyenaraian Felda beri faedah maksimum kepada negara

Ismail Mat

MASYARAKAT peneroka di seluruh negara kini tertunggu-tunggu proses penyenaraian Felda menerusi Felda Holdings Sdn Bhd (FHSB), di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang dijadualkan pada akhir tahun ini.

Meskipun, sebahagian besar mereka masih belum memahami bagaimana proses itu akan dilakukan, yang pasti masing-masing sudah mula mencongak jumlah saham dalam FHSB yang akan diagihkan kepada mereka.

Dalam situasi harga minyak sawit semasa berada pada kedudukan RM1,500 satu tan, kebanyakan peneroka sawit kini berupaya memperoleh pendapatan kira-kira RM1,800 sebulan. Pendapatan itu boleh dianggap lumayan bagi penduduk luar bandar.

Sejak ditubuhkan mengikut Akta Pembangunan Tanah pada Julai 1956, Felda diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dengan aktivitinya di bawah entiti korporat mengikut Akta Syarikat.

Matlamat awal penubuhan Felda adalah untuk membantu orang Melayu miskin dan tidak bertanah mengubah nasib masing-masing menerusi penempatan mereka di kawasan tanah rancangan.

Pendekatan itu menjadikan usaha terbabit sebagai program pembasmian kemiskinan paling berjaya di dunia.

Malah, kemajuan yang berkembang di Felda juga menyaksikan beberapa kawasan ditukar status menjadi tapak perindustrian, membolehkan peneroka menjadi jutawan segera hasil jualan tanah yang terbabit dalam projek itu.

Pengumuman penyenaraian FHSB dan agihan saham bukan setakat mengejutkan peneroka, malah akan menjadi kenangan yang ditinggalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada seluruh masyarakat Felda sebelum persaraannya akhir Oktober ini.

Meskipun terdengar rungutan tidak puas hati segelintir pihak yang bimbang terhadap rancangan itu, ia lebih kepada menjaga kepentingan pihak berkenaan dan ia sebenarnya tidak memanfaatkan rakyat dan negara dalam jangka panjang.

Sesungguhnya, Dr Mahathir berpandangan jauh bagi merencanakan penyenaraian FHSB, untuk memastikan hasil pembangunan tanah yang dilaksanakan sejak 50 tahun lalu, memberi faedah maksimum kepada negara.

Kata Perdana Menteri, salah satu daripada 10 langkah yang dilaksanakan untuk memantapkan pasaran modal ialah menggalakkan syarikat besar disenaraikan di BSKL. Bagi tujuan itu, Felda bukan saja menjadi syarikat perladangan terbesar di rantau ini, malah di dunia apabila disenaraikan di BSKL.

"Pada masa sama, kerajaan akan mendapat pulangan daripada penyenaraian ini yang juga akan memberi faedah kepada Kumpulan Felda, peneroka dan koperasi serta kerajaan negeri yang telah memberi tanah untuk dibangunkan sebagai ladang Felda.

"Peneroka Felda akan mendapat peluang memegang ekuiti dalam syarikat yang disenaraikan, iaitu sebagai ahli dan individu," katanya ketika mengumumkan langkah penyenaraian Felda ketika membentangkan Bajet 2004 bulan lalu.

Bagi Kerajaan Pusat, penyenaraian FHSB juga akan menambahkan nilai pelaburan kerajaan dalam saham syarikat yang bernilai tinggi di BSKL, selain berupaya menarik pelaburan asing ke pasaran modal tempatan.

Tindakan kerajaan dan agensi berkaitan terus memegang sebahagian besar saham selepas pengapungan juga akan membolehkan kerajaan mendapat pendapatan untuk melaksanakan projek kerajaan yang lain.

Hakikatnya, penyenaaraan FHSB di BSKL akan memberi faedah secara langsung kepada kerajaan Pusat, kerajaan negeri, FHSB, koperasi Felde, 144,336 peneroka Felde dan 14,145 kakitangan Felde.

Malah, pelabur di BSKL juga pasti menunggu dengan penuh ghairah kemasukan FHSB yang berpotensi menjadi saham mewah dalam jangka panjang berikutan kejayaan operasi ladang dan kilang sawit Felde selama ini, meskipun hanya kira-kira 25 peratus akan dijual kepada pelabur runcit dan institusi.

Perancangan penyenaaraan Felde yang hendak dilaksanakan kerajaan tidak seperti cadangan pihak tertentu untuk mengambil alih Felde melalui kaedah pembelian oleh pengurusan atau management buy-out (MBO) yang sudah ditolak oleh Kabinet, lima tahun lalu.

Seperti kata Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr Tan Kee Kwong, MBO yang dicadangkan itu sekadar menguntungkan segelintir individu, berbanding penyenaaraan Felde yang memberi keuntungan kepada pelbagai pihak secara menyeluruh, tanpa menjejaskan kedudukan peneroka.

Ini kerana, selepas penyenaaraan, Felde akan bertanggungjawab menyediakan tanah yang telah ditanam dan tempat kediaman untuk setiap peneroka serta membeli hasil tanaman dan membantu mengurus tanah mengikut kaedah yang baik.

Selain itu, Felde juga akan mengurus dan mentadbir tabung wang simpanan tanam semula untuk setiap peneroka, di samping menyediakan kelengkapan seperti baja, bahan kimia serta keperluan lain untuk memajukan tanah peneroka.

Felde juga bertanggungjawab memindahkan hak milik kepada peneroka selepas segala hutang Felde berjaya diselesaikan sepenuhnya. Bagi peneroka, mereka wajib membayar balik segala wang yang telah digunakan untuk memajukan kawasan tanaman oleh Felde.

Selain itu, peneroka wajib membayar wang yang diperlukan untuk memajukan tanah termasuk insurans, tabung tanam semula, kredit daripada Perbadanan Niaga Felde (PNF) dan sebagainya. Mereka juga wajib menjual segala hasil sawit atau getah kepada kilang yang ditetapkan Felde mengikut harga dan formula yang ditetapkan.

Malah, walaupun hak milik tanah sudah dipindahkan, peneroka tetap wajib menjual hasil tanaman kepada kilang yang ditetapkan oleh Felde. Sesungguhnya, tiada sebarang perubahan tanggungjawab Felde dan penerokanya, selepas penyenaaraan kelak.

Ini kerana proses penyenaaraan FHSB hanya akan membabitkan kawasan ladang sawit seluas 354,554 hektar yang diusahakan oleh Felde Holdings menerusi Felde Plantation Sdn Bhd serta 40 anak syarikatnya.

Penyenaaraan juga tidak menjejaskan cara hidup peneroka kerana tidak membabitkan 447,246 hektar tanah yang mereka usahakan selama ini, meskipun menikmati agihan saham FHSB menerusi Koperasi Permodalan Felde (KPF).

Langkah itu akan menjadikan FHSB sebagai sebuah syarikat perladangan terbesar di dunia apabila berjaya menguruskan hasil daripada kira-kira 800,000 hektar ladang.

Selepas pengapungan FHSB, tugas Felde akan lebih tertumpu kepada aspek pembangunan masyarakat tanah rancangan itu yang akan dapat dilakukan dengan lebih baik selepas memberi tumpuan kepada aspek komersial selama ini.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, baru-baru ini mengumumkan peneroka Felde akan menikmati durian runtuh berbentuk saham bernilai sehingga RM1 bilion atau RM6,000 seorang apabila Felde Holdings disenaraikan di BSKL.

Namun, agihan saham terbabit tidak sewajarnya diberikan secara percuma sepenuhnya kerana ia akan menimbulkan pelbagai masalah sama ada di kalangan peneroka sendiri atau rakyat yang berada di luar Felde.

Tambahan pula, sesuatu yang diperoleh dengan mudah jarang dihargai. Ibarat, buku yang diperoleh percuma, ia belum tentu dibaca penerimanya berbanding buku yang dibeli sendiri oleh pembaca yang mahu memperoleh ilmu dan maklumat daripadanya.

Kerajaan perlu mempunyai mekanisme khas, termasuk kaedah pembiayaan yang diuruskan penasihat kewangan untuk memastikan dalam keghairahan menikmati agihan saham FHSB, semua peneroka bersikap sabar dan tidak tamak untuk mengaut keuntungan jangka pendek apabila melihat graf kenaikan harga saham yang dimiliki.

Saham FHSB yang diperoleh perlu dipertahankan sebagai aset jangka panjang kerana ia berpotensi meningkat tinggi berikutan keupayaan syarikat itu mencatatkan keuntungan tinggi dari operasinya.

Untuk menangani keadaan itu, kerajaan wajar memperkenalkan mekanisme diskaun secara berperingkat terhadap saham yang diagihkan bagi memastikan saham berkenaan dipertahankan setiap peneroka dalam tempoh yang panjang.

Ladang sawit Felda dikatakan berupaya mencatat hasil jualan sehingga lebih RM24,000 setahun bagi setiap hektar pada usia matang. Kadar itu juga yang tertinggi di kalangan syarikat perladangan di negara ini dan ketika ini, Felda mempunyai 306,685 hektar sawit matang.

Meskipun tidak pernah didedahkan, difahamkan, Felda Holdings mengaut keuntungan besar daripada operasi ladang dan kilang sawit yang selama ini membolehkan syarikat itu mempunyai tahap kecairan tinggi.

Penyenaraian FHSB membolehkan ia meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti pada setiap peringkat aktivitinya, di samping meningkatkan daya saing perladangan sawit serta peluang untuk meluaskan pasaran pada peringkat antarabangsa.

Kejayaan Felda sebagai sebuah syarikat perladangan terbesar di dunia disenaraikan di BSKL sudah pasti menggalakkan syarikat lain bekerjasama sesama mereka, termasuk bergabung membentuk entiti perladangan besar tersenarai di BSKL.